




PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang dengan kerjasama PTAR UiTM Shah Alam telah mengadakan Taklimat Validasi Penyelidikan PRISMa pada 25 Mac 2021, melalui platform Webex selama 2 jam bermula jam 2.30 petang. Taklimat ini telah disampaikan oleh Encik Mohd Ismail bin Abidin, Timbalan Ketua Pustakawan, PTAR Shah Alam dan disertai oleh seramai 140 orang peserta yang terdiri daripada para pensyarah dan staf pentadbiran daripada kampus-kampus UiTM.

Antara tajuk yang disampaikan oleh Encik Mohd Ismail bin Abidin petang itu ialah Pengenalan Metadata Penerbitan Berindeks dan Tidak Berindeks dan Proses Semakan dan Validasi Penerbitan. Encik Mohd Ismail juga telah menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh para peserta berkenaan proses muat naik bahan ke dalam PRISMa dan soalan-soalan lain yang berkaitan dengan validasi.

Taklimat Validasi Penyelidikan PRISMa ini merupakan salah satu aktiviti bertujuan menyemarakkan budaya penerbitan dan meningkatkan bilangan penerbitan di dalam jurnal berindeks. Di samping itu, ianya memusatkan afiliasi penerbit di Universiti Teknologi MARA Malaysia. Adalah diharapkan agar ianya dapat meningkatkan tahap validasi penyelidikan dikalangan warga universiti dalam membantu proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Komen dan maklumbalas yang diterima akan diambil tindakan bagi penambahbaikan sesi ini pada masa akan datang.